

0982

R 6822 AAB

MAHATHIR - DAP (EMBARGO: UNTUK DISIARKAN SELEPAS 11 MALAM INI)

1

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP) DAN PEJUANG PENDIDIKAN CINA MEMILIH UNTUK KELUAR DARIPADA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN) KERANA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI FORMULA DASAR EKONOMI SELEPAS 1990, YANG BOLEH HENARIK SEDIKITPUN KRITIKAN ATAU TIADA LANGSUNG DARIPADA ORANG RAMAI, KATA DATUK SERI DR MAWATHIR MOHAMAD.

+MEREKA INI HANYA PANDAI MENKRIK TETAPI TIDAK BOLEH LANGSUNG MELAKUKAN SESUATU YANG POSITIF ATAU MEMBINA, + KATANYA PADA JAHUAN MALAM KELAB HARVARD MALAYSIA DI SINI, MALAM INI.

TAJUK UCAPANNYA IALAH +DASAR EKONOMI MALAYSIA - SELEPAS 1990+.

MENYOROT KEMBALI LATAR BELAKANG DASAR EKONOMI BARU (DEB), YANG TAHAT TEHPOHNYA TAHUN INI, BELIAU BERKATA, MAHU ATAU TIDAK, ADA HARGA YANG PERLU DIBAYAR KEPADA PERCUBAAN SOSIO-EKONOMI YANG BUKAN SAHAJA TIDAK BERBENTUK SOSIALISME PADA SATU PIHAK ATAU KAPITALISME PADA SATU PIHAK LAGI.

+KITA RASA KITA MEMBAYAR HARGA YANG RENDAH TERHADAP DEB SEBAGAI JENTERA SOSIO-EKONOMI BERBANDING HARGA YANG JAUH LEBIH TINGGI SEKIRANYA KITA TIDAK MEMPERDULIKAN PERASAAN SENSITIF PELBAGAI KAUM DAN MENUHPUKAN PERHATIAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SEMATA-MATA, + TAMBAHNYA. -- LAGI .

2159MST 22 08 90

R 8823 AAB'

MAHATHIR - DAP 2 KUALA LUMPUR

+MALAH, KERAJAAN MASIH BERPENDAPAT BAHAWA IA TIDAK MEMONOPOLI SIFAT BIJAKSANA. DAN UNTUK HEHBENTUK DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS 19901 KERAJAAN TELAH MEMBAWA SAMA BANYAK PENGKRITIK DAN PENYOKONG HENDUDUKI MAPEN SUPAYA MEREKA BOLEH MEMBENTUK BERSAMA DASAR SELEPAS 1990.+

+PERSETUJUAN BERSAMA ADALAH PENTING KERANA KITA CUBA MENGELAKKAN KETIDAKADILAN KEPADA MANA-MANA KUMPULAN TERTENTU. JIKA ● TIDAK KERAJAAN BOLEH HENGGUBALKAN DASAR ITU SENDIRI KERANA KERAJAAN JUGA HEMPUNYAI SOKONGAN YANG JUGA KUAT, + TAMBAHNYA.

+SEDANG MEREKA MENGUTUK KERAJAAN KERANA TIDAK MENDENGAR PENDAPAT MEREKA, JELAS BAHAWA MEREKA TIDAK BERSEDA UNTUK MENYESUAIKAN KEHENDAK HEREKA DENGAN HAK ORANG LAIN UNTUK HEHBUNT PERMINTAAN, + KATANYA.

DATUK SERI DR HAHATHIR JUGA BERKATA, DAP DAN PEJUANG PENDIDIKAN CINA NAMPAKNYA TELAH MENDAKWA KONONNYA MEREKA TELAH MEMONOPOLI SIKAP BIJAKSANA.

+DENGAN MEMILIH UNTUK KELUAR, MEREKA BERPENDA'PAT BAHAWA MEREKA BEBAS UNTUK MENKRIK DAN MENGUTUK SEBARANG KEPUTUSAN MAPEN DAN SUDAH TENTU APA SAHAJA YANG AKAN DIBENTUK OLEH KERAJAAN.+

+MEREKA MENGANGGAP MATLAMAT POLITIK SEMPIT MEREKA ITU SEBAGAI LEBIH PENTING DARIPADA KEPENTINGAN NEGARA, + KATA PERDANA HENTERI. -- BERNAMA

2224HST 22 08 90